

## *Taksonomi SOLO Bagi Penilaian Kendiri Dalam PdP Bahasa Melayu*

**Rita Zarina Mohd Nazeer**

rita\_zarina\_mohd\_nazeer@schools.gov.sg

**Sekolah Menengah Marsiling**

**Safidah Samsudin**

safidah\_samsudin@schools.gov.sg

**Sekolah Rendah Jing Shan**

### *Abstrak*

Dalam usaha melibatkan pelajar secara aktif melalui penilaian sendiri dan melahirkan pelajar yang mempunyai keyakinan dan motivasi untuk bertanggungjawab ke atas pembelajaran mereka, Taksonomi SOLO merupakan model pembelajaran yang dapat mencapai matlamat ini. Kaedah ini boleh disasarkan kepada semua pelajar yang terdiri daripada pelbagai aras kebolehan. Kajian penulisan karangan ini dijalankan di dua buah sekolah. Sebuah sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah. Kajian bertujuan untuk melihat kesan penggabungan struktur SOLO dalam memandu pelajar memahami dan menilai pembelajaran penulisan karangan mereka dengan menggunakan kriteria kejayaan yang terdapat dalam Taksonomi SOLO. Dapatan kajian mendapati, kemahiran penulisan karangan pelajar telah menampakkan peningkatan yang positif.

**Kata Kunci:** Taksonomi SOLO, maklum balas, pengubahsuaian, kriteria kejayaan, pelbagai aras kebolehan

## PENGENALAN

Perubahan dalam arus pendidikan merupakan satu perkara lumrah demi mendepani situasi global yang dinamik. Demi menyajikan pembelajaran dan pengajaran (PdP) yang lebih mantap dan sesuai dengan keperluan global, aktiviti pembelajaran perlu disesuaikan dengan keperluan semasa. Usaha ini sejajar dengan seruan Kementerian Pendidikan Singapura yang menggalakkan sekolah untuk menekankan pembelajaran berpusatkan pelajar dan melahirkan pelajar yang berkeyakinan dan boleh menyesuaikan diri dengan perubahan di samping membuat pertimbangan dengan bijak, berfikir secara kritis dan inventif serta berkomunikasi dengan berkesan.

Menyedari pentingnya menghasilkan pelajar yang mempunyai arah sendiri dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran sendiri serta berkebolehan melakukan refleksi dalam mencapai matlamat pembelajaran, maka kajian ini telah berpaksikan pada penggunaan Taksonomi SOLO atau *Structured of Observed Learning Outcomes*. Taksonomi SOLO ini mampu mengarah pelajar agar dapat menggunakan bahasa Melayu secara aktif melalui penilaian formatif. Guru sering kali mendengar keluhan tentang pelajar yang terlalu bergantung kepada guru atau *adult dependant* dalam pembelajaran mereka. Taksonomi SOLO memberikan peluang dan ruang kepada pelajar untuk bertanggungjawab ke atas pembelajaran mereka dengan bersama-sama membina makna semasa proses penilaian sendiri itu berlangsung.

Melalui PdP karangan, pelajar melibatkan diri secara aktif dan sedar tentang objektif pembelajaran lantas memberikan kejelasan akan langkah perancangan selanjutnya bagi menepati matlamat penilaian formatif berlandaskan penilaian sendiri yang dijalankan melalui Taksonomi SOLO.

## PERNYATAAN MASALAH

Sebelum penggunaan Taksonomi SOLO dalam penulisan karangan, pelajar banyak bergantung kepada guru untuk memurnikan karangan mereka. Walaupun banyak soalan yang diutarakan, kebanyakannya diserahkan kepada guru untuk menghuraikan permasalahan yang dihadapi. Pelajar juga berdepan



dengan objektif pengajaran yang tuntas dan tetap tanpa fleksibiliti atau kuasa mutlak diberikan kepada pelajar secara amnya dalam pembelajaran. Selain itu, tahap pemahaman pelajar tentang proses pengajaran juga sukar dikenal pasti.

Melalui Taksonomi SOLO, pelajar diberikan autonomi untuk mencapai kriteria kejayaan dalam bidang penulisan secara bertahap-tahap dengan mengenal pasti aras kebolehan pelajar yang pelbagai. Pelajar juga perlu menggunakan pemikiran aras metakognitif untuk mencari jawapan bagi menganjukkan diri mereka dari satu tahap ke satu tahap yang berikutnya. Melalui kejelasan pada kemahiran dan pengetahuan bahasa yang perlu digarap pada setiap peringkat, pelajar lebih bermotivasi untuk terus maju ke tahap selanjutnya.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk:

1. mengaplikasikan Taksonomi SOLO dalam penilaian sendiri bagi pelajar pelbagai aras kebolehan; dan
2. menggunakan Taksonomi SOLO sebagai penilaian sendiri dalam pembelajaran dan pengajaran penulisan karangan.

## **KAJIAN LEPAS**

Penilaian sendiri boleh dijadikan sebagai tanda arah bagi tujuan serta pemberi maklumat dalam proses PdP. Ia bukan sahaja untuk kegunaan guru malah untuk pelajar juga bagi memantau pemahaman dan perkembangan serta pencapaian diri mereka dalam pembelajaran tersebut.

Hattie (2019), mendefinisikan maksud penilaian ini sebagai gred-lapor sendiri, yang mampu meningkatkan keyakinan pelajar sekiranya mereka dapat menentukan sendiri tahap pencapaian yang hendak mereka kecapai. Dengan menunjukkan pelajar kriteria kejayaan yang perlu diraih, secara tidak langsung pelajar dapat memahami jangkaan pembelajaran tersebut serta langkah-langkah yang perlu diambil bagi meningkatkan lagi pencapaian dalam



pembelajaran mereka. Dylan (2011), menegaskan bahawa penilaian sendiri berupaya memberi pelajar masa dan peluang untuk menilai kembali prestasi mereka. Proses penilaian sendiri akan lebih bermakna dan terarah kerana kriteria kejayaan dinyatakan secara eksplisit.

Taksonomi SOLO ialah model pembelajaran yang dapat menunjukkan tujuan serta kriteria kejayaan pembelajaran yang diharapkan secara jelas kepada pelajar dan juga guru (Biggs and Collins, 1982). Struktur SOLO yang terdiri daripada pelbagai aras dapat dijadikan sebagai pemberi maklumat kepada guru sama ada untuk memberikan maklum balas kepada pelajar atau melakukan pengubahsuaian terhadap proses PdP.

Selain itu, Hook (2016), menyatakan bahawa aras SOLO boleh dijadikan sebagai alat penilaian sendiri untuk pelajar mengenal pasti arah tuju proses pembelajaran mereka. Penentuan ini, seperti penilaian formatif, dapat meningkatkan penguasaan pembelajaran pelajar dengan lebih baik seperti yang dinyatakan seperti berikut oleh Dylan (2011);

1. membantu pelajar mengenal pasti arah tuju pembelajaran kerana objektif dan kriteria kejayaan pembelajaran tersebut dinyatakan secara eksplisit;
2. mencungkil hasil pembelajaran pelajar menerusi perancangan aktiviti dan perbincangan dalam kelas berdasarkan keupayaan pelajar;
3. memberikan maklum balas agar pelajar dapat mengenal pasti dan tahu langkah pembelajaran yang seterusnya;
4. mengaktifkan proses pemikiran sesama pelajar; dan
5. memperkasakan pelajar untuk menentukan pembelajaran mereka sendiri.

Dengan melibatkan pelajar untuk berfikir secara aktif dalam proses pembelajaran mereka, secara tidak langsung dapat meningkatkan dan merangsang minat pelajar.



# KAEDAH KAJIAN

Kajian ini melibatkan dua buah sekolah, iaitu Sekolah Rendah Jing Shan dan Sekolah Menengah Marsiling. Berikut ialah proses kajian yang dijalankan oleh kedua-dua buah sekolah.

## A. Sekolah Rendah Jing Shan


### Subjek Kajian

Seramai 18 orang pelajar Darjah 4 yang memiliki tahap keupayaan pembelajaran yang pelbagai terlibat dalam kajian ini. Pelajar sudah diperkenalkan dan telah menjalani rutin menggunakan templat Taksonomi SOLO dalam pembelajaran penulisan lisan. Melalui penggunaan Taksonomi SOLO bagi penulisan karangan, kajian ini diharapkan dapat menambah nilai pembelajaran pelajar dalam melaksanakan penilaian sendiri bagi penulisan karangan sepanjang 6 sesi yang berlangsung selama dua minggu.


### Instrumen Kajian

Pelajar mempunyai pengetahuan asas mengenai penulisan karangan gambar bersiri empat. Pelajar merujuk kepada Tiga Perkara @ Karangan di Jing Shan (TaP@K) @ JS semasa mengarang iaitu seperti dalam Rajah 1 dan 2 berikut:

**Rajah 1: Organisasi Penulisan Karangan**





**Rajah 2: Peta Penulisan Plot**



Berdasarkan pengetahuan asas mengenai penulisan karangan, pelajar juga turut diajar tentang enam ciri yang perlu diambil kira semasa menulis karangan yang diajarkan secara eksplisit seperti dalam Rajah 3 berikut.

**Rajah 3: 6 Ciri Penulisan Karangan Dirujuk Oleh Pelajar**




<p>Idea/Isi</p> 	<p>Organisasi/Susunan</p> 
<p>Suara Penulis</p> 	<p>Ayat</p> 
<p>Pemilihan Perkataan</p> 	<p>Tanda Baca</p> 





## Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan selama dua minggu dalam waktu kurikulum Bahasa Melayu. Guru menggabungkan Taksonomi SOLO dalam perancangan dan pembelajaran. Dalam proses PdP, guru menjalankannya secara bertahap-tahap dan disesuaikan mengikut aras-aras yang terdapat pada Taksonomi SOLO. Guru menerangkan dengan jelas mengenai proses menjalankan penilaian sendiri. Pelajar dibimbing untuk mengenal pasti ciri-ciri yang terdapat pada setiap aras dan disertakan dengan contoh. Tumpuan pada latihan karangan dan penilaian sendiri yang dijalankan berpusat pada penggunaan perkataan dalam penulisan karangan. Guru melakukan tunjuk cara agar pelajar dapat memahami dan mengetahui bentuk respons yang dikehendaki dalam latihan tersebut. Rajah 4 berikut menunjukkan contoh templat senarai semak yang digunakan oleh pelajar untuk melakukan penilaian sendiri mereka.

**Rajah 4: Tujuan Pembelajaran (*Learning Intentions*): Penilaian Kendiri Tentang Pemilihan Dan Penggunaan Perkataan Dalam Karangan.**

Aras SOLO	Di mana saya berada sekarang? Kriteria Kejayaan	Penilaian Kendiri	Arah tuju selanjutnya (Maklum balas)
 <b>Prastruktural</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Saya tidak tahu menggunakan perkataan dalam karangan.</li><li>• Saya perlukan bantuan menggunakan perkataan untuk mengarang.</li></ul>		
 <b>Unistruktural</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Saya mengulang banyak perkataan.</li><li>• Saya menggunakan perkataan yang pertama saya fikirkan.</li></ul>		
 <b>Multistruktural</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Saya menggunakan perkataan yang sama beberapa kali.</li><li>• Saya menggunakan perkataan-perkataan yang sesuai dan baik digunakan.</li></ul>		

 <p><b>Pemikiran Berkait</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Saya menggunakan beberapa perkataan dan frasa yang baik (termasuk peribahasa, frasa berbunga dan bandingan semacam).</li> <li>• Saya tidak mengulang perkataan yang sama berulang kali.</li> </ul>		
 <p><b>Abstrak Lanjutan</b> <i>(Extended Abstract)</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan saya jelas dan menarik.</li> <li>• Perkataan yang saya pilih menjadikan karangan saya menarik.</li> </ul>		

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan pemerhatian guru, tidak semua pelajar dapat melaksanakan penilaian sendiri dengan sempurna. Hal ini disebabkan, penilaian sendiri memerlukan metakognitif pelajar ketika terlibat secara aktif dalam membuat refleksi dan renungan. Bagi pelajar yang mempunyai keupayaan sederhana dan aras kebolehan tinggi, mereka dapat melakukan penilaian sendiri dengan lebih baik. Mereka juga dapat menyatakan sebab dan alasan terhadap keputusan yang diambil. Namun, terdapat segelintir pelajar yang bersikap terlalu merendah diri dan merasakan hasil karangan mereka tidak sebaik yang dimahukan. Sebaliknya, ada pula golongan pelajar yang mempunyai sikap keyakinan yang tinggi sehingga merasakan bahawa karangan mereka amat baik.

Pada peringkat ini, peranan guru amat penting bagi memandu pemahaman pelajar dengan mengajukan soalan-soalan terarah agar pelajar memikirkan kembali serta memberikan alasan-alasan terhadap keputusan yang telah diambil. Bagi pelajar yang memerlukan bantuan, guru akan melakukan pemerancahan untuk membantu pelajar mengaitkan penilaian tersebut dengan hasil penulisan mereka.





Pendekatan Taksonomi SOLO telah memperlihatkan pentingnya memberi ruang dan peluang kepada pelajar agar bergerak secara sendiri. Proses ini juga melatih pelajar untuk menilai semula karangan, mencari kekuatan dan bahagian yang perlu dibaiki. Pelajar perlu memberikan cadangan tentang cara atau langkah selanjutnya untuk mencapai ke aras seterusnya. Tahap pemikiran mereka turut terserlah kerana setiap aras menuntut kemahiran-kemahiran yang tertentu dan kriteria kejayaan yang jelas. Pelajar diberikan tanggungjawab terhadap proses pembelajaran mereka sendiri dan berupaya memantau peningkatan mereka dalam latihan karangan. Semasa guru menjalankan pemantauan semasa pelaksanaan kajian, guru akur bahawa menerusi persekitaran mahupun pengalaman yang terarah, pelajar boleh dibentuk untuk mempunyai perspektif positif terhadap pembelajaran.

## B. Sekolah Menengah Marsiling

### **Subjek Kajian**

Seramai 32 pelajar Menengah 1 Ekspres (NA SBB) dan 3 Ekspres (NA SBB) menjalani PdP penulisan karangan ini. Para pelajar yang diuji mempunyai keupayaan belajar yang bersifat sederhana dengan Skor-T PSLE secara purata pada agregat 198. Ukuran keberhasilan kajian rintis yang dijalankan berdasarkan pada penggunaan strategi ini ditadbirkan di dalam kelas pelajar pelbagai aras selama 2 minggu yang melibatkan 6 sesi.


### **Instrumen Kajian**

Kajian rintis ini memberi tumpuan kepada kaedah pengajaran guru serta pembelajaran pelajar. Guru menggunakan Taksonomi SOLO sebagai model pembelajaran untuk penilaian sendiri yang menyatakan tujuan kajian dan kriteria kejayaan dengan jelas kepada pelajar dan guru dalam proses PdP penulisan karangan naratif.

Para pelajar mempunyai pengetahuan asas tentang proses penulisan karangan naratif dengan menggunakan carta binaan plot seperti dalam Rajah 5.



Rajah 5: Carta Binaan Plot



Carta binaan plot digunakan sebagai strategi utama dalam mencetus minat serta mencerap idea pelajar dalam penulisan karangan naratif. Templat yang disediakan menjadi wadah untuk mereka gunakan dan dijadikan sumber rujukan semasa proses menulis dan merangka plot.






Penggunaan video juga diterapkan dalam pembelajaran awal bagi membantu pelajar mengecam setiap ciri yang terdapat dalam binaan plot. Hal ini dapat membantu terutama golongan pelajar yang bersifat visual untuk mengenal pasti ciri-ciri dalam pembinaan plot tersebut dengan lebih jelas.

## Prosedur Kajian

Guru menggabungkan Taksonomi SOLO dalam PdP yang dijalankan. Aras SOLO seperti dalam Rajah 6 berikut telah digunakan sebagai pemeranch dalam penilaian sendiri setelah pelajar melalui proses pembelajaran penulisan karangan naratif pada peringkat awal.



**Rajah 6: Penilaian Kendiri Dalam Pembelajaran Penulisan Karangan Naratif**

Aras Solo		Tahap pemahaman saya...
	<b>Prastruktural</b>	Saya kurang pasti bahagian...
	<b>Unistruktural</b>	Namakan ciri-ciri yang terdapat dalam carta binaan plot.
	<b>Multistruktural</b>	Terangkan ciri-ciri yang terdapat dalam carta binaan plot.
	<b>Pemikiran berkait</b> <i>(Relational)</i>	Terangkan ciri-ciri binaan plot yang terdapat dalam video yang baru kamu tonton.
	<b>Abstrak lanjutan</b> <i>(Extended abstract)</i>	Terangkan ciri-ciri utama dalam binaan plot berdasarkan video yang kamu tonton. Antara ciri-ciri yang kamu kenal pasti, apakah ciri-ciri yang paling menyerlah? Mengapakah kamu berkata demikian?

Dalam pembelajaran pertama, pelajar diminta untuk memberikan respons bagi setiap aras SOLO. Setelah beberapa sesi, pelajar berupaya mengenal pasti tahap keupayaan mereka sendiri dan memberikan respons seperti mana yang tertera dalam aras SOLO mengikut tahap pemahaman mereka.




## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan pemerhatian dan penilaian guru, penilaian sendiri menggunakan Taksonomi SOLO, dapat meningkatkan tahap pemahaman dan pemikiran dalam kalangan pelajar. Para pelajar juga telah memberikan maklum balas yang positif terhadap pembelajaran mereka. Mereka melihat penilaian sendiri yang dilakukan menggunakan carta binaan plot bagi sekolah menengah dan tujuan pembelajaran bagi sekolah rendah dapat menentukan tahap pemahaman mereka dengan jelas dan membantu mereka untuk menilai kembali sejauh mana yang perlu mereka lakukan untuk melangkah seterusnya.



Pemerancangan yang disediakan berdasarkan Taksonomi SOLO berupaya merangsang pemikiran kritis dalam diri pelajar dan membina keyakinan mereka untuk menyampaikan hasil pemikiran mereka. Menerusi penilaian sendiri ini, secara tidak langsung guru telah menjana pelibatan pelajar yang lebih aktif dalam proses pembelajaran mereka.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penilaian sendiri berdasarkan Taksonomi SOLO yang menggunakan carta binaan plot bagi sekolah menengah dan tujuan pembelajaran bagi sekolah rendah sangat sesuai dan berkesan bagi memupuk kemahiran berfikir, menjana idea serta meningkatkan kekreatifan pelajar dalam menulis karangan naratif sama ada sebagai latihan menulis di dalam bilik darjah atau di dalam peperiksaan. Rajah 5 dan 6 memperlihatkan maklum balas yang diberikan pelajar terhadap penilaian sendiri mengikut tahap masing-masing.

Rajah 7: Contoh Respons Pelajar (Sekolah Rendah Jingshan)



Aras SOLO	Di mana saya berada sekarang? Kriteria Kejayaan	Penilaian Kendiri	Arah tuju selanjutnya (Maklum balas)
 <b>Prastruktural</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Saya tidak tahu menggunakan perkataan dalam karangan.</li> <li>Saya perlukan bantuan menggunakan perkataan untuk mengarang.</li> </ul>		
 <b>Unistruktural</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Saya mengulang banyak perkataan sama.</li> <li>Saya menggunakan perkataan yang pertama saya fikirkan.</li> </ul>		Ada perkataan yang saya fikir saya catatkan sahaja.
 <b>Multistruktural</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Saya menggunakan perkataan yang sama beberapa kali.</li> <li>Saya menggunakan perkataan-perkataan yang sesuai dan baik digunakan.</li> </ul>	√	<p>Tidak gunakan banyak perkataan yang susah.</p> <p>Saya ada gunakan perkataan-perkataan baik seperti 'berasa teruja' dan 'tanpa disangka-sangka'. Saya gunakan peribahasa 'ringan tangan'.</p>



 <p><b>Pemikiran Berkait</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Saya menggunakan beberapa perkataan dan frasa yang baik (termasuk peribahasa, frasa berbunga dan bandingan semacam).</li> <li>• Saya tidak mengulang perkataan yang sama berulang kali.</li> </ul>		<p>Saya mesti gunakan lebih banyak frasa berbunga, peribahasa dan bandingan semacam.</p>
 <p><b>Abstrak Lanjutan (Extended Abstract)</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan saya jelas dan menarik.</li> <li>• Perkataan yang saya pilih menjadikan karangan saya menarik.</li> </ul>		

**Rajah 8: Contoh Hasil Kerja Pelajar (Sekolah Menengah Marsiling)**

Aras Solo		Tahap pemahaman saya...
●	<b>Prastruktural</b>	<p>Saya kurang pasti... membezakan antara suspens dan klimaks</p>
■	<b>Unistruktural</b>	<p><b>Namakan ciri-ciri yang terdapat dalam carta binaan plot.</b> Ciri-ciri dalam binaan plot seperti berikut: 1. perwatakan 2. pengenalan 3. suspens 4. klimaks 5. penutup</p>
▮▮▮	<b>Multistruktural</b>	<p><b>Terangkan ciri-ciri yang terdapat dalam carta binaan plot.</b> 1. Pengenalan ialah bahagian memulakan cerita. Bahagian ini kita akan tahu tempat, masa dan watak yang akan diceritakan. 2. Konflik ialah masalah yang dihadapi watak dalam karangan naratif 3. Suspens menimbulkan tanda tanya atau perasaan ingin tahu dalam kalangan pembaca 4. Klimaks ialah kemuncak cerita tersebut</p>

	<p><b>Pemikiran berkait</b> (<i>Relational</i>)</p>	<p><b>Terangkan ciri-ciri binaan plot yang terdapat dalam video yang baru kamu tonton.</b></p> <p>Dalam video yang ditonton, Ciri-ciri dalam binaan plot yang saya fahami ialah bahagian konflik.</p> <p>Terdapat konflik antara watak-watak utama kerana kehidupan mereka yang miskin. Konflik berlaku lagi kerana anak mereka pula sakit dan memerlukan wang untuk rawatan. Rumah tangga watak juga mengalami konflik kerana terpaksa melalui penceraihan. Konflik juga dapat dilihat dalam diri watak utama kerana terpaksa berpisah dengan anaknya sendiri.</p>
	<p><b>Abstrak lanjutan</b> (<i>Extended abstract</i>)</p>	<p><b>Terangkan ciri-ciri utama dalam binaan plot berdasarkan video yang kamu tonton.</b></p> <p><b>Antara ciri-ciri yang kamu kenal pasti, apakah ciri-ciri yang paling menyerlah? Mengapakah kamu berkata demikian?</b></p> <p>Ciri yang paling menyerlah ialah bahagian klimaks. Saya berkata demikian kerana saya ingin tahu apakah keputusan watak selanjutnya setelah melalui pelbagai konflik dalam dirinya. Bahagian klimaks membuat saya teruja kerana saya juga kasihan dengan watak. Kesukaran yang dilalui watak bukanlah kehendaknya, tetapi atas sebab kemiskinan dan ingin menolong anaknya yang sakit.</p>

Hasil dapatan menunjukkan bahawa pelajar memahami proses penulisan karangan naratif dengan baik berlandaskan video yang mereka tonton. Jalan cerita dalam video tersebut membantu pelajar memahami ciri-ciri yang diperlukan dalam penulisan karangan. Justeru, mereka dapat melakarkan penulisan karangan naratif dengan lebih baik setelah memahami kriteria kejayaan dalam penulisan karangan. Setiap ciri dalam carta binaan plot dilakarkan dahulu agar mereka dapat menyusun dan mengatur jalan cerita dengan lebih kemas dan baik.

Terdapat peningkatan markah terutama bagi golongan pelajar yang lebih lemah. Hal ini dapat membuktikan bahawa proses pembelajaran ini mampu membantu pelajar berfikir dengan lebih mendalam untuk menghasilkan penulisan karangan yang lebih baik.

Hampir kesemua pelajar yang menulis karangan naratif berupaya menulis dengan plot yang lebih koheren dan mantap, menggunakan kosa kata yang rencam serta gaya bahasa yang lebih menarik. Pelajar yang terdedah



kepada penilaian sendiri memaparkan pemikiran yang bersifat lebih kritikal dan reflektif. Secara tidak langsung, guru berjaya memupuk ranah kemahiran abad ke-21 dalam diri pelajar.

## **KESIMPULAN**

Penilaian pelajar merupakan satu aspek yang cukup penting dalam jaminan kualiti pembelajaran sekiranya penilaian tersebut dirancang, dijalankan serta dilaporkan dengan sewajarnya. Proses penilaian ini penting untuk mengukur pencapaian hasil pembelajaran. Justeru, kaedah penilaian pelajar perlulah jelas, konsisten, berkesan, dipercayai serta sejajar dengan amalan terkini. Kaedah penilaian yang diguna pakai mestilah mampu memperlihatkan secara jelas, bukti pencapaian hasil pembelajaran. Dengan demikian, penilaian sendiri pula memberi peluang kepada pelajar mempertingkatkan pemahaman mereka dan menetapkan langkah selanjutnya demi meraih kriteria kejayaan yang diharapkan dalam pembelajaran tersebut. Informasi ini penting bukan sahaja bagi guru, malah untuk pelajar merancang serta menentukan pembelajaran yang seterusnya.

Pendekatan Taksonomi SOLO membantu guru dan pelajar menilai kembali prestasi dan pencapaian PdP dalam penulisan karangan naratif. Aras SOLO yang bertahap-tahap seperti unistruktural, multistruktural, pemikiran berkait dan abstrak lanjutan merupakan pemerancahan tahap berfikir daripada peringkat berfikir yang lebih superfisial ke peringkat pemikiran yang lebih kompleks. Berdasarkan penentuan ini, penilaian sendiri yang dijalankan dalam PdP penulisan karangan naratif merupakan proses mencari bukti bahawa pelajar berupaya mencapai tahap atau kecekapan yang ditetapkan. Dengan demikian, pelajar dapat menetapkan tahap pencapaian yang diinginkan, yang secara tidak langsung dapat merangsang minat dan keyakinan pelajar dalam pembelajaran tersebut kerana mereka menilai sendiri keupayaan mereka serta menetapkan langkah yang perlu diambil agar dapat meningkatkan kemahiran yang diperlukan.



## RUJUKAN

Biggs, J., & Collis, K. (1982). *Evaluating the quality of learning: The SOLO taxonomy*. New York: Academic Press.

Dylan, William. (2011). *Embedded Formative Assessment*. USA: Solution Tree.

Frey, N., Hattie, J & Fisher, D. (2018) *Developing Assessment-Capable Visible Learners*. Corwin Literacy.

Hattie, J. & Clarke, S. (2019). *Visible Learning Feedback*. Routledge.

Pam, Hook. (2016). *First Steps with SOLO Taxonomy*. UK: Essential Resources Educational Publishers Limited.

